

Bil. S 61

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(Penggai 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI) (PINDAAN), 2018**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan peraturan 3 Rg 1 dari Penggai 140

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(Penggai 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI) (PINDAAN), 2018**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4(1)(e) dari Akta Pendaftaran Jururawat, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat (Lembaga Jururawat bagi Brunei) (Pindaan), 2018 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2016.

Pindaan peraturan 3 Rg 1 dari Penggal 140

2. Peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat (Lembaga Jururawat bagi Brunei) adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan peraturan kecil (1) dan menggantikannya dengan peraturan kecil baru yang berikut —

“(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sepuluh ahli lain sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Menteri.”;

(b) dengan memansuhkan peraturan kecil (2) dan menggantikannya dengan peraturan kecil baru yang berikut —

“(2) Tempoh lantikan ahli-ahli Lembaga tidak boleh melebihi 3 tahun tetapi ahli-ahli itu adalah layak untuk dilantik semula.”;

(c) dalam peraturan kecil (3), dengan memotong “yang disebut dalam peraturan kecil (1)(d)”.

Bertarikh pada hari ini 20 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 1 haribulan September, 2018.

**DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI MOHD. ISHAM
BIN HAJI JAAFAR
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.**